

# Contoh Rancangan Pengajaran

Bagi membantu guru menggunakan bahan Kumpulan Cerita Animasi, contoh rancangan pengajaran telah disediakan. Di dalam contoh rancangan pengajaran ini pelbagai aktiviti dan alat penilaian juga disarankan. Guru boleh dan digalakkan mengubah suai contoh rancangan pengajaran ini bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

## Cerita Animasi 5 – Semut dengan Belalang

<b>Tajuk Cerita</b>	Semut dengan Belalang
<b>Jangka Masa</b>	1-2 Waktu
<b>Fokus Interaksi Lisan</b>	Berbual dan berbincang
<b>Aspek Bahasa</b>	Akhiran-kan

STRATEGI PEMBELAJARAN	BAHAN / CATATAN
<p><b>Aktiviti</b></p> <p><b>Murid:</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Memberikan respons kepada pertanyaan guru mengenai cerita rakyat yang mereka tahu</li> <li>Menonton cerita animasi 'Semut dengan Belalang'</li> <li>Berbual tentang cerita yang ditonton menggunakan kad perkataan</li> <li>berbincang tentang nilai-nilai yang terkandung dalam cerita dengan panduan guru</li> <li>melengkapkan lampiran tugas yang disediakan</li> <li>melengkapkan alat penilaian.</li> </ol> <p><b>Aktiviti Lanjutan</b></p> <p>Guru boleh menjalankan peraduan melukis atau menghasilkan kulit buku bagi cerita animasi Belalang dengan Semut.</p>	<p><b>Catatan</b></p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Dalam aktiviti pembelajaran, aspek kosa kata diberikan penekanan.</li> </ul> <p><b>Soalan Saranan (permulaan)</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Pernah kamu membaca cerita tentang binatang?</li> <li>Berkongsilah cerita kamu dengan rakan-rakan lain.</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita tersebut</li> <li>Apakah yang menarik tentang watak haiwan yang kamu baca itu?</li> </ol> <p><b>Soalan Saranan tentang Cerita 'Semut dengan Belalang'</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>Apakah yang dilakukan oleh sekumpulan semut?</li> <li>Apakah yang dilakukan oleh sekumpulan belalang?</li> <li>Beri pandangan kamu mengenai sikap Belalang.</li> <li>Apakah yang terjadi kepada Belalang dan Semut semasa musim hujan tiba?Jelaskan.</li> <li>Apakah yang kamu pelajari daripada cerita 'Semut dengan Belalang'?</li> </ol> <ul style="list-style-type: none"> <li>Guru menilai bacaan murid dan memberikan maklum balas.</li> </ul> <p><b>Bahan</b></p> <p>Kad Perkataan, Lampiran Tugas Alat Penilaian (Guru dan Murid)</p>

## **KAD PERKATAAN**

Cerita Animasi 5: Semut dengan Belalang

<b>bekerja</b>	<b>menyanyi</b>
<b>makanan</b>	<b>bimbang</b>
<b>kesejukan</b>	<b>kelaparan</b>
<b>hujan</b>	<b>habis</b>
<b>menyesal</b>	<b>mengumpulkan</b>
<b>sarang</b>	<b>sejuk</b>

## LAMPIRAN TUGASAN

### Cerita Animasi 5: Semut dengan Belalang

Pilih perkataan yang sesuai untuk melengkapkan petikan yang disediakan.

bekerja    bimbang    kelaparan  
menari    menghulurkan

Di tengah hutan, ada sekumpulan semut dan belalang. Semut rajin (1) \_\_\_\_\_ untuk mengumpul makanan. Belalang pula lebih suka menyanyi dan (2) \_\_\_\_\_. Semut rajin mencari makanan kerana (3) \_\_\_\_\_ musim hujan akan tiba.

Tidak lama kemudian, musim hujan pun tiba. Belalang (4) \_\_\_\_\_ kerana tidak cukup makanan. Mujurlah semut baik hati. Semut telah (5) \_\_\_\_\_ makanan kepada Belalang. Belalang sedar bahawa dia harus rajin bekerja dan berusaha supaya hidupnya senang di kemudian hari.



# ALAT PENILAIAN

## Cerita Animasi 5: Semut dengan Belalang

### Senarai Semak - Penilaian Guru (Perbualan)

Nama murid: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

No	Perkara	Tandakan [√]	
		Ya 	Tidak 
1	Murid berbual dengan lancar.		
2	Murid berbual menggunakan kosa kata yang disediakan.		
3	Murid menyebut perkataan dengan betul.		
4	Murid memandang rakan semasa berbual.		
5	Murid memberikan respons yang sesuai semasa berbual.		
6	Murid menggunakan sebutan baku.		

### Catatan Guru:

---

---



---

## Cerita Animasi 5: Semut dengan Belalang

### Senarai Semak - Penilaian Kendiri (Perbualan)

Nama murid: \_\_\_\_\_

Kelas: \_\_\_\_\_ Tarikh: \_\_\_\_\_

No	Perkara	Tandakan [√]	
		Ya 	Tidak 
1	Saya berbual dengan lancar.		
2	Saya berbual menggunakan kosa kata yang disediakan.		
3	Saya menyebut perkataan dengan betul.		
4	Saya memandang rakan semasa berbual.		
5	Saya memberikan respons yang sesuai semasa berbual.		
6	Saya menggunakan sebutan baku.		

## Cerita Animasi 5: Semut dengan Belalang Penilaian Kendiri - Membaca

Nama murid: \_\_\_\_\_ (            )

Tarikh: \_\_\_\_\_ Kelas: \_\_\_\_\_

	Tandakan [ √ ]		
Saya dapat ...	☆☆☆	☆☆	☆
1. membaca dengan lancar			
2. menyebut perkataan dengan betul			
3. menggunakan intonasi yang betul.			
4. menggunakan sebutan baku.			

### Penilaian Guru - Membaca

Nama: \_\_\_\_\_ (            )

Tarikh: \_\_\_\_\_ Kelas: \_\_\_\_\_

	Tandakan [ √ ]		
Semasa membaca murid dapat ...	☆☆☆	☆☆	☆
1. membaca dengan lancar.			
2. menyebut perkataan dengan betul.			
3. menggunakan intonasi yang betul.			
4. menggunakan sebutan baku.			

Catatan Guru:

---



---



---



---

## CERITA ANIMASI 5: SEMUT DENGAN BELALANG

<b>Tajuk</b>	Semut dengan Belalang
<b>Peringkat</b>	P2A
<b>Sinopsis</b>	Cerita tentang Semut dan Belalang. Sedang semut rajin bekerja mengumpul makanan, Belalang sibuk bermain. Apabila tiba musim hujan, Semut tiada masalah untuk makan kerana sibuk banyak bekalan makanan. Belalang pula kelaparan kerana tiada bekalan makanan. Mujurlah Semut baik hati dan memberikan Belalang sedikit makanan. Belalang sedar bahawa penting untuk berjimat cermat dan rajin berusaha.
<b>Watak</b>	Semut, Belalang dan Pencerita
<b>Nilai</b>	Tolong-menolong, bekerjasama, jimat cermat, hidup bermasyarakat

No	Watak	Dialog
1	Pencerita	Musim hujan akan tiba. Sekumpulan semut sibuk bekerja. Semut dan rakan-rakannya mengumpul makanan sebelum musim hujan tiba.  Di situ ada sekumpulan belalang sedang bermain-main.
2	Semut	Ayuh kawan-kawan, mari kita terus bekerja. Musim hujan akan tiba tidak lama lagi. Kita mesti mengumpul makanan supaya tidak kelaparan.
3	Pencerita	Semut dan kawan-kawannya terus rajin bekerja. Banyak makanan yang mereka kumpul.
4	Belalang	Hai Semut! Kamu sedang buat apa?
5	Semut	Saya dan rakan-rakan saya sedang mengumpul makanan. Musim hujan akan tiba tidak lama lagi.
6	Belalang	Dari tadi saya melihat awak dan rakan-rakan awak bekerja. Marilah bergembira. Kita boleh menari sambil menyanyi!
7	Semut	Maaflah, Belalang. Makanan kami masih belum cukup. Bagaimana dengan kamu? Makanan kamu sudah cukup?
8	Pencerita	Belalang dan rakan-rakannya terus bergembira. Mereka makan

		sambil menyanyi dan menari.
9	Belalang	Musim hujan masih lama lagi! Buat apa kita mencari makanan sekarang?
10	Semut	Kami takut tidak cukup makanan.
11	Pencerita	Musim hujan pun tiba. Pada musim hujan, memang sukar untuk mencari makanan. Semut dan rakan-rakannya tidak berasa bimbang. Semut ada banyak makanan.
12	Pencerita	Belalang pula kesejukan dan kelaparan. Belalang tidak mengumpul makanan. Makanannya sudah habis. Ketika itulah Belalang teringat akan kata-kata semut dahulu.
13	Belalang	Alangkah baiknya jika aku mengikut nasihat Semut.  Aduh, laparnya! Aduh, sejuknya!
14	Pencerita	Belalang sungguh menyesal. Sudah beberapa hari dia tidak makan. Belalang melihat ke dalam sarang Semut.  Semut terlihat Belalang kesejukan. Semut menghulurkan sedikit makanan kepadanya.
15	Belalang	Terima kasih Semut. Jika saya mengikut nasihat awak tempoh hari, pasti saya ada banyak makanan sekarang. Saya menyesal.  Terima kasih, Semut.
16	Pencerita	Sekianlah kisah Belalang dengan Semut. Ya, kita mesti rajin bekerja dan berjimat cermat. Sediakan payung sebelum hujan!

